

UHS1022-73

FALSAFAH DAN ISU SEMASA

AHLI KUMPULAN:
MADINA SURAYA
NAYLI NABIHAH
NUR SYAMALIA FAIQA
ADRINA ASYIQIN



RUKUN NEGARA

PAUTAN VIDEO PEMBENTANGAN:

<https://drive.google.com/drive/folders/1qwuDeKbZOOMtzfX2BOSSXP4kd2iW4BRB?usp=sharing>

Rukun Negara adalah ideologi negara yang telah dibentuk oleh Majlis Gerakan Negara selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969



Asal-usul Rukun Negara

- Tarikh pengisytiharan: **31 Ogos 1970** sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13
- Pengisytihar: Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di- Pertuan Agong IV
- Sebab pertubuhan: Berikutan peristiwa **13 Mei 1969** yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia.
- Tujuan utama: Membentuk perpaduan yang kukuh.
- Pihak yang merangka: Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

Diagram illustrating the Five Pillars of the State (Rukun Negara) centered around a grey circle labeled 'RUKUN NEGARA'. Five colored circles surround it, each containing a pillar. The background features a black silhouette of a city skyline with various buildings and a tall tower.

KEPERCAYAA
N KEPADA
TUHAN

KESETIAAN
KEPADA RAJA
DAN NEGARA

RUKUN
NEGARA

KESOPANAN
DAN
KESUSILAAN

KELUHURAN
PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN
UNDANG-
UNDANG

MATLAMAT RUKUN NEGARA

1. Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat.
2. Memelihara satu cara hidup demokratik.
3. Mencipta satu masyarakat yang adil apabila kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama.
4. Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak
5. Membina sebuah masyarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi moden (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017).



KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama yang berbeza

Kepercayaan dan agama merupakan unsur yang penting.

Tanpa kedua-duanya, runtuhlah identiti seseorang individu, bangsa serta negara.

Agama Islam merupakan agama rasmi negara, namun agama lain tetap bebas dianuti.



KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

Sistem
Demokrasi
Berparlimen dan
Raja
Berpelembagaan
merupakan sistem
pemerintahan
yang digunakan
di Malaysia

Ketua Negara
dikenali sebagai
Yang di-Pertuan
Agong dan
hampir setiap
negeri juga
mengamalkan
sistem beraja

Setiap
warganegara
Malaysia
perlulah
memberikan
kesetiaan dan
ketaatan pada
Seri Paduka
Baginda Yang
di-Pertuan
Agong

Rukun Negara
ini diciptakan
bagi memupuk
rasa sayang
dan cinta
kepada negara
serta
menghormati
raja.





Mewujudkan
pemerintahan yang
adil

Mengelakkan
pentahgunaan
kuasa serta
mengawal
pergerakan
kerajaan dan rakyat


Menjaga keamanan
dan kestabilan
negara

Alat penyelesaian
masalah

Mengekalkan
riwayat negara
bangsa

**KELUHUHAN
PERLEMBAGAAN**

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG



setiap rakyat adalah sama taraf di sisi undang-undang

mencapai keamanan dan kestabilan

undang-undang negara dijamin pula oleh institusi kehakiman yang bebas dan berwibawa.

menjamin kehidupan anggota masyarakat agar dapat hidup dalam suasana yang teratur dan selamat

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Menekankan perkembangan personaliti dan tingkah laku setiap rakyat.

Tujuan:
Membentuk warga negara yang bersopan santun dan bertatasusila.

Sebagai panduan supaya perilaku masyarakat terpelihara sesuai dengan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni.

Membentuk seseorang individu dan masyarakat yang berdisiplin dan bermoral tinggi.

CARA MENERAPKAN RUKUN NEGARA DALAM KEHIDUPAN

1. Ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam memupuk intipati rukun negara dalam diri anak-anak.
2. Pihak kerajaan mengadakan kempen kesedaran.
3. Pendidikan di sekolah memberi pendedahan buat golongan muda tentang sejarah serta kepentingan rukun negara yang dapat mengekalkan keamanan negara sehingga ke hari ini.
4. Pengaruh media massa sebagai agen penyebaran bagi memberi pendedahan tentang rukun negara.


Kepentingan Menghayati Rukun Negara

1. Mencapai perpaduan yang optimum. Rukun negara dapat membentuk satu bangsa yang bersatu padu tanpa mengira asal usul, bahasa, agama dan budaya yang mempunyai semangat cintakan negara.
1. Memelihara satu cara hidup demokratik di Malaysia. Perlembagaan negara mampu menjamin kebebasan hak asasi serta kebebasan menjalankan aktiviti berpolitik.
1. Mencipta sebuah masyarakat yang adil. Setiap individu berhak menggunakan kemudahan yang disediakan dan berpeluang menikmati kekayaan negara.
1. Membentuk satu sikap yang liberal. Masyarakat bebas melakukan aktiviti keagamaan, adat resam dan kebudayaan masing-masing sesuai dengan perpaduan negara.
1. Membina sebuah masyarakat yang progresif dengan mewujudkan generasi yang pakar dalam pelbagai bidang demi mencapai kemajuan negara serta perkembangan teknologi.

Kesimpulan

Rukun negara ialah teras dalam membentuk negara Malaysia.

Rukun negara ialah elemen yang sangat kritikal dalam mengekalkan keamanan yang dikecapi sejak Malaysia merdeka. Tanpa rukun negara, rakyat tidak akan ada pegangan yang kukuh dan pastinya pembentukan negara ini akan menjadi satu bencana. Rukun negara juga dapat membentuk insan yang cinta akan negara kerana dengan memahami segala sejarah dan kepentingan rukun negara, individu tersebut pasti akan berasa bangga dengan negara ini seterusnya, berusaha untuk membantu dalam memajukan negara ini dalam pelbagai bidang.



“

TERIMA KASIH